



**Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)**  
**Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)**  
No. Telefon: 03-80642400  
No. Fax: 03-80635420  
E-mel: [ndcc@nadma.gov.my](mailto:ndcc@nadma.gov.my); [opsroom@nadma.gov.my](mailto:opsroom@nadma.gov.my)

## NOTIS KESIAPSIAGAAN OPERASI BENCANA (KEMASKINI)



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA  
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR



Masa dikeluarkan:  
11:45 pagi; 26 Februari 2022

**BAHAYA: Hujan sangat lebat berterusan dijangka berlaku** **sehingga 26 Februari 2022**  
Kelantan • Terengganu (Besut, Setiu, Kuala Nerus, Hulu Terengganu, Kuala Terengganu, Marang dan Dungun)

**BURUK: Hujan lebat berterusan dijangka berlaku** **sehingga 26 Februari 2022**  
Perlis • Kedah (Langkawi, Kubang Pasu, Kota Setar, Pokok Sena, Padang Terap, Yan, Pendang, Kuala Muda, Sik dan Baling) • Perak (Hulu Perak)

**WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku** **sehingga 26 Februari 2022**  
Kedah (Kulim dan Bandar Baharu) • Pulau Pinang • Perak (Kerian, Larut, Matang Dan Selama, Kuala Kangsar, Manjung, Kinta, Perak Tengah, Kampar, Bagan Datuk, Hillr Perak, Batang Padang dan Muallim) • Terengganu (Kemaman) • Pahang (Tanah Tinggi Cameron, Lipis, Raub, Jerantut, Bentong, Temerloh, Maran dan Kuantan) • Selangor (Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Klang, Gombak, Petaling dan Hulu Langat) • WP Kuala Lumpur • WP Putrajaya

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) pada **11:45 pagi, 26 Februari 2022** telah mengemaskini **Amaran Hujan Berterusan Buruk (Jingga) Amaran Hujan Berterusan Waspada (Kuning) dan Amaran Hujan Berterusan Bahaya (Merah)** seperti yang dipaparkan di atas.

Sehubungan dengan itu, **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri/Daerah hendaklah diaktifkan** serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana yang bakal berlaku terutama di kawasan yang berisiko tinggi. Pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri/Daerah juga dimohon untuk memastikan setiap pusat pemindahan dilengkapi dengan

keperluan asas dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) mempunyai segala aset pengoperasian yang mencukupi serta berada di dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk digunakan. **Semua Pusat Operasi/Kawalan Bencana Peringkat Pusat hendaklah memanjangkan Notis ini ke peringkat Negeri dan Daerah.**

NADMA melalui Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) akan sentiasa memantau situasi parameter maklumat teknikal dengan kerjasama pelbagai agensi teknikal. NDCC juga sentiasa dalam kesiapsiagaan menerima maklumat bencana, bantuan pengurusan dan pengoperasian bencana dari semasa ke semasa melalui nombor telefon **03-80642400**, faksimili **03-80635420** dan alamat e-mel [opsroom@nadma.gov.my](mailto:opsroom@nadma.gov.my).

Sekian, terima kasih.

Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)  
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)  
Jabatan Perdana Menteri  
**26 Februari 2022**